


## PENGANGGURAN DI MALAYSIA : KESAN PANDEMIK COVID 19

Isu utama dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara ialah guna tenaga dan kadar pengangguran. Pengangguran adalah fenomena biasa bagi sesebuah negara yang pasaran buruhnya dinamik. Sesetengah pengangguran hanya berlaku dalam jangka masa yang pendek yang mana ianya merupakan satu proses semulajadi bagi individu-individu yang bergerak di antara satu pekerjaan ke pekerjaan yang lain atau pergerakan daripada alam persekolahan ke pasaran kerja. Sesetengah pengangguran lain pula mengambil masa beberapa bulan mungkin disebabkan kesukaran mencari pekerjaan. Kenyataannya, kadar pengangguran merupakan petunjuk yang penting kepada prestasi kitaran ekonomi.

Sesebuah negara dikatakan mempunyai pertumbuhan yang mampan jika kadar penganggurannya rendah. Sebaliknya jika kadar pengangguran tinggi, bermakna berlakunya pembaziran sumber manusia. Masalah pengangguran terus merupakan satu daripada masalah ekonomi yang sangat penting dan harus ditangani dalam pasaran buruh.

Penurunan kadar pengangguran merupakan petanda yang baik dalam ekonomi kerana firma menambahkan peluang pekerjaan sebagai tindakbalas terhadap peningkatan jualan dan keluaran. Manakala peningkatan kadar pengangguran pula merupakan petanda yang tidak baik dalam ekonomi kerana ia menunjukkan prestasi firma yang merosot sehingga menyebabkan firma berhenti mengambil pekerja baru atau memberhentikan pekerja yang sedia ada akibat daripada kejatuhan dalam permintaan.

Berdasarkan definisi Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau *International Labour Organisation* (ILO), kadar pengangguran yang kurang daripada 4% dikira sebagai guna tenaga penuh (*full employment*). Bagi Malaysia, ekonomi negara masih kekal pada tahap guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran di bawah 4 peratus semenjak 1990an. Bagi tahun 2019, kadar pengangguran di Malaysia dicatatkan pada kadar 3.3%.



Rajah 1: Pengangguran 1982 – 2020


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009

Berdasarkan Rajah 1, Malaysia telah mengalami kemelesatan ekonomi pada tahun 1985. Kadar pengangguran meningkat kepada 5.6% pada tahun 1985 dan 7.4% pada tahun 1986. Ia merupakan tahun yang mencatatkan peratusan kadar pengangguran yang tertinggi dalam tempoh 30 tahun iaitu dari 1981- 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia,2009). Antara punca yang dikenalpasti ialah pertumbuhan sektor swasta yang perlahan pada tahun 1970-an sehingga pertengahan tahun 1980-an telah menyebabkan pengurangan dalam permintaan buruh. Manakala sektor awam pula telah bertindak sebagai jentera pembangunan dan menjadi majikan yang besar dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun pada awal 1980-an pelaksanaan dasar fiskal mengembang telah meninggalkan kesan yang tidak diingini dalam ekonomi iaitu masalah peningkatan yang cepat dalam hutang awam, pembiayaan belanjawan defisit dan tekanan inflasi yang tinggi iaitu 5-10%setahun. Hubungan antara prestasi ekonomi dan kadar pengangguran adalah bergerak dalam jajaran yang sama. Prestasi ekonomi sesebuah negara banyak mempengaruhi kadar pengangguran sesebuah negara.

Bagi tahun 2020, kedudukan tenaga buruh Malaysia terjejas ekoran krisis kesihatan dan kesan ekonomi, menyebabkan kadar pengangguran mencecah 4.5 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Kadar pengangguran tahunan meningkat 1.2 peratus kepada 4.5 peratus pada 2020, kadar tertinggi sejak tahun 1993. Bilangan penganggur bertambah sebanyak 39.9 peratus kepada 711,000 orang berbanding 508,200 orang pada 2019.

Situasi yang dihadapi pasaran tenaga kerja negara selaras dengan peringkat global yang turut berada dalam situasi yang tidak menentu sepanjang tahun 2020 yang mengakibatkan kehilangan pekerjaan dan pengurangan jam bekerja serta sumber pendapatan disebabkan COVID-19 dan langkah mengekang penularan wabak dilaksanakan kebanyakan negara.

Malaysia juga tidak terkecuali berdepan dengan kesan luar jangka ekonomi dan sosial, mengakibatkan kadar pengangguran negara mencecah lebih empat peratus buat pertama kalinya dalam tempoh hampir tiga dekad.



Rajah 2: Labour Force in Malaysia, March 2020


Sumber: *Key Statistics Of Labour Force in Malaysia*, Mac 2020

Berdasarkan Rajah 2, Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada penularan COVID-19, bermula 18 Mac 2020 telah menyaksikan jumlah penganggur pada bulan Mac 2020 meningkat 17.1 peratus kepada 610,500 orang berbanding Mac 2019 (*Key Statistics Of Labour Force in Malaysia, March 2020*).

Kadar pengangguran pada bulan Mac 2020 sahaja telah meningkat kepada 3.9 peratus berbanding 3.3 peratus yang direkod pada Februari 2020.


Merujuk kepada Rajah 3, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut melaporkan kehilangan pekerjaan meningkat 42% tahun ke tahun pada Q1 2020. Kesan daripada Covid-19, telah menyebabkan banyak perniagaan mengalami penurunan permintaan (37%) atau tidak dapat beroperasi seperti biasa (42%).

Rajah 3



*LOE numbers are projected to increase by 799 each day based on extrapolated figures from the EIS database.*

Peningkatan kadar pengangguran pada tahun 2020 banyak dipengaruhi oleh pemberhentian pekerja oleh syarikat-syarikat yang terkesan dengan langkah kerajaan dalam mengawal pandemik Covid-19. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada bulan Mac 2020 telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat beroperasi seperti biasa dan menyebabkan peningkatan dalam pemberhentian pekerja.




Rajah 4: Sektor Industri Pemberhentian Pekerja

Sektor industri yang paling terkesan dari segi pemberhentian (LOE) ialah industri berkaitan pelancongan dan pembuatan. Kedua-dua industri ini adalah yang paling terjejas yang menyaksikan kejatuhan permintaan terutamanya dalam tempoh dua minggu terakhir bulan Mac iaitu sewaktu PKP mula dilaksanakan. Sektor berkaitan pelancongan membabitkan 39.0 peratus dan pembuatan melibatkan 23.0 peratus daripada keseluruhan kehilangan pekerjaan yang direkod pada bulan Mac 2020.



Rajah 4: Pengangguran Mengikut Kumpulan Umur 2019 dan 2020

Berdasarkan Rajah 4, Secara keseluruhan pada tahun 2020, terdapat peningkatan dalam jumlah pengangguran dalam kumpulan umur bekerja berbanding tahun 2019. Kumpulan umur 15-19 tahun tiada menunjukkan perubahan bagi kedua-dua tahun tersebut. Peningkatan jumlah pengangguran pada tahun 2020 jelas menunjukkan kesan daripada wabak COVID-19 telah menyebabkan terdapat peningkatan pengurangan pekerja oleh pihak majikan dalam kumpulan umur 20 tahun hingga 64 tahun berbanding tahun 2019.




Rajah 5: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, Malaysia, 1982 – 2020

Dari segi kumpulan umur, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun, meningkat 1.5 mata peratus (+18.2 ribu orang) kepada 12.0 peratus merekodkan 314.0 ribu orang belia yang menganggur pada tahun 2020 (2019: 10.5%). Begitu juga, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun mencatatkan peningkatan sebanyak 1.5 mata peratus (+75.6 ribu orang) kepada 8.3 peratus (2019: 6.7%). Kadar pengangguran bagi dewasa berumur 25 hingga 64 tahun naik 1.3 mata peratus kepada 3.0 peratus berbanding 1.7 peratus (2019).Rajah 5

Pengangguran dalam kalangan belia dicatatkan pada kadar 12.0 peratus iaitu hampir tiga kali ganda lebih berbanding kadar pengangguran negara. Secara perbandingan golongan belia merupakan golongan yang paling ramai menganggur iaitu hampir 50% daripada kadar pengangguran negara bagi setiap tahun.

Kalau sebelum ini setiap tahun golongan belia adalah penyumbang terbesar kepada kadar pengangguran negara, ditambah dengan pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia masa kini, golongan ini adalah yang paling terjejas dan menerima kesan berganda. Sebelum ini isu pengangguran belia biasanya difokuskan kepada belia itu sendiri iaitu seperti memilih kerja, keengganan untuk bekerja dalam kategori pekerjaan 3D (dirty, dangerous and demeaning). Bagi mereka yang bekerja pula, majikan seringkali menghadapi kesukaran untuk mengekalkan (retain) mereka dan golongan ini juga seringkali dikaitkan dengan isu disiplin serta kurang komited. Selain itu, industri juga seringkali membangkitkan isu kelulusan yang diperolehi dan kemahiran yang dimiliki belia tidak memenuhi keperluan industri. Majikan terpaksa melatih semula sekiranya mereka diambil bekerja. Sebagai alternatif, pekerja asing menjadi pilihan majikan. Mereka lebih komited malah sanggup bekerja dalam apa jua keadaan. Dalam persekitaran yang tidak menentu ini dimana pihak majikan mengambil sikap bertahan dengan apa yang ada iaitu cuba untuk tidak melakukan pengambilan pekerja-pekerja baru telah menyebabkan golongan belia ini merupakan antara kumpulan yang paling terkesan.

Rajah 6



Comparing GDP growth to retrenchment figures and the unemployment rate.

Source: DOSM, BNM, JTK, EIS

Berdasarkan Rajah 6, Menunjukkan hubungan antara Keluaran Negara Kasar (GDP), penamatan pekerja/ *Lost of Employment* dan kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1997 hingga 2020. Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif telah mencatatkan purata pertumbuhan tahunan KDNK melebihi 4.5 peratus bagi tempoh

1997 hingga 2019. Sepanjang tempoh tersebut Malaysia hanya mengalami kemelesetan ekonomi sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 1998 dan 2009.

Pada pertengahan tahun 1997 berlaku krisis kewangan Asia yang juga melibatkan semua negara ASEAN termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand, Jepun dan Republik Korea. Semasa krisis memuncak, semua negara yang dilanda krisis mengalami kejatuhan nilai matawang, nilai pasaran saham dan kejatuhan nilai aset. Malaysia telah diserang oleh penyangkapan mata wang yang membawa kepada jualan menyeluruh di pasaran saham dan pasaran tukaran wang. Indeks KLSE menjunam dari 1,200 mata kepada paras di bawah 600 mata, nilai ringgit merosot sebanyak 50% daripada RM2.50 kepada RM4.10 bagi setiap dollar. Kerajaan telah mengambil keputusan mengadakan kawalan modal dan menetapkan nilai ringgit pada RM3.80 bagi setiap dollar Amerika Syarikat. Kadar pengangguran Malaysia pada tahun 1998 ialah pada kadar 3.2 peratus.

Pada akhir 2008 pula, kesan daripada krisis kegagalan institusi kewangan Amerika Syarikat pada tahun 2007 menyebabkan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia mula bergerak perlahan dan meningkat hanya 0.1% dalam suku keempat terutamanya sektor pembuatan yang menguncup sebanyak 8.8% berikutan kelembapan sektor luaran dan kejatuhan pelaburan swasta. Sentimen perniagaan merosot dengan ketara. Malaysia kembali ke fasa kemelesetan dengan KDNK menguncup sebanyak 1.6% pada tahun 2009. Memandangkan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, kesan kemelesetan global begitu dirasakan oleh sektor yang berkaitan dengan perdagangan luar. Eksport dan pengeluaran kilang merosot masing-masing sebanyak 7.4% dan 11.1%. Kadar pengangguran Malaysia telah meningkat kepada 3.7 peratus.

Walaupun pada tahun 1998 dan 2009 telah berlaku krisis ekonomi di Malaysia; dan juga berlaku kejatuhan dalam KDNK negara iaitu -7.5 peratus pada tahun 1998 dan -1.5 peratus pada tahun 2009 disamping peningkatan bilangan pekerja yang diberhentikan namun kadar pengangguran kekal di bawah 4 peratus iaitu 3.2 peratus pada tahun 1998 dan 3.7 peratus pada tahun 2009. Berbeza pada tahun 2020 pandemik COVID-19 telah menyebabkan KDNK negara menyusut kepada -5.6 peratus dan kadar pengangguran telah meningkat melepasi angka 4 peratus iaitu kepada 4.5 peratus disamping bilangan pekerja yang diberhentikan juga agak ramai.



Setiap kali berlaku kemelesetan kepada ekonomi negara yang menyebabkan KDNK negara jatuh, ianya telah mempegaruhi dan meningkatkan kadar pengangguran negara. Namun begitu tahap peningkatan kepada kadar pengangguran dilihat sebagai berbeza-beza bergantung juga kepada peranan kerajaan dengan langkah-langkah fizikal dan kewangan yang boleh mempengaruhi tahap kadar pengangguran itu sendiri. Polisi atau dasar kerajaan yang tepat yang diperkenalkan waktu sesuatu krisis berlaku boleh mengurangkan kesan kepada ekonomi negara terutamanya kepada kadar pengangguran.

## **Kesimpulan**

Pembukaan semula lebih banyak aktiviti perniagaan dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ketat walaupun dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berterusan dilihat akan dapat mengimbangi kepentingan kesihatan dengan pemulihan ekonomi dan perniagaan. Kelonggaran yang diberikan kerajaan bagi operasi aktiviti ekonomi, pakej rangsangan dan program vaksinasi dapat membantu melegakan serta mengurangkan beban perniagaan dan seterusnya mempercepatkan pemulihan pasaran pekerjaan pada tahun 2021.

**Disediakan oleh;**  
**MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN PULAU PINANG**

## **RUJUKAN :**

Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia (2020), Jabatan Perangkaan Malaysia

Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia (2019), Jabatan Perangkaan Malaysia

Employment Outlook 1<sup>st</sup> Quarter 2020: Employment Insurance System (EIS) Volume 4/2020

Key Statistics of Labour Force in Malaysia, March 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia.